

Oleh Izz Laily Hussein  
am@hmetro.com.my

## Johor Bahru

**K**ejam dan tidak berhati perut apabila seorang lelaki tergamak menyembelih bayi dan isterinya yang baru habis berpantang.

Dalam kejadian tengah hari semalam, kedua-dua mangsa ditemui bermandi darah serta tidak bernyawa di kediaman mereka di Kampung Bakar Batu di sini.

Kejadian itu turut tular di media sosial apabila suspek didakwa melarikan diri dengan menunggang motosikal dalam keadaan bogel.

Tindakan suspek yang menunggang motosikal 'telanjang bulat' mengundang pelbagai reaksi netizen yang merakam tindakan suspek sebelum ia tular di media sosial.

Sementara itu bapa mangsa, Rosman Ahmad, 58, berkata, dia tidak dapat menahan sedih dan terkejut sebaik melihat anak perempuan, Hajar Nursyahirin, 26, dan cucunya, Hans Mohd Thakif berusia dua bulan berlumuran darah tidak bernyawa.

Menurutnya, anaknya dipercayai dikelar di leher oleh menantunya sendiri.

"Sebelum kejadian, saya menerima panggilan telefon daripada anak sulung me-



KEADAAN di hadapan rumah yang dipenuhi darah di Kampung Bakar Batu. Gambar bulat, Rosman.

# Bapa durjana 'cabut' 2 nyawa

## Lelaki sembelih isteri, bayi dua bulan larikan diri naik motosikal dalam keadaan bogel

maklumkan ada 'masalah' di rumah anak ketiga saya itu. Berikutan itu saya bergegas ke lokasi kejadian untuk melihat apa yang berlaku.

"Bila saya sampai, anak pertama dan kedua sudah ada di sini (rumah keluarga suspek), saya lihat Hajar terbaring di depan pintu rumah

dengan luka di leher seperti dikelar.

"Cucu lelaki saya juga terdapat luka di leher. Ketika itu ada jururawat sedang meng-

gendongnya. Saya difahamkan cucu saya ditemui mati di sisi ibunya," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, semalam.

Menurutnya, kedua-dua mangsa dipercayai maut dibunuh menantunya berusia 25 tahun.

"Menantu saya itu kemudian melarikan diri sejurus kejadian itu dengan menunggang motosikal dalam keadaan berbogel," katanya.

Menurut Rosman, anak dan menantunya dijadualkan bersanding 24 Julai ini memandangkan pasangan itu tidak dapat berbuat demikian ketika bernikah tahun lalu.

Ketika ditanya mengenai hubungan anak dan menantunya itu, Rosman berkata, pasangan itu dilihat hidup bahagia sejak berkahwin tahun lalu.

"Anak saya dan menantu memang anak yang baik. Mereka tiada masalah. Saya tidak pernah dengar mereka bergaduh.

"Cuma akhir-akhir ini, saya dapat tahu menantu tiada pekerjaan tetap selepas berhenti kerja beberapa bulan lalu.

"Dahulu dia ada buat kerja pembersihan di stadium. Selepas itu dia berhenti kerja. Kemudian saya dapat tahu dia kerja sambil mencuci kapal di Pasir Gudang dan bantu kerja penyediaan makanan," katanya.